

Demokrasi sudah terbukti

Oleh MAHFAR ALI

BM 28 AUG 1988

SIK, Sabtu — Golongan yang mengatakan bahawa negara ini diperintah oleh diktator adalah pembohong yang cuba menakut-nakutkan rakyat, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, di Malaysia pilihanraya diadakan kerana kerajaan percaya kepada demokrasi dan menghormati kematangan rakyat memilih wakil masing-masing.

Malah, menurut Perdana Menteri, di negara ini, calon kerajaan pun boleh kalah dalam pilihanraya jika rakyat memilih untuk menolaknya.

"Ini membuktikan kita tidak cuba mempermainkan pilihanraya sebaliknya ia diadakan secara ikhlas dan jujur," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, berbeza di negara autokratil. dan diktator, kemenangan calon kerajaan adalah 99.9 peratus terjamin.

"Di Malaysia semua pihak bebas berkempen, melempar tohmah dan fitnah serta mengugut kerajaan," katanya ketika melancarkan Perhimpunan Semarak Peringkat Negeri Kedah di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, golongan itu sengaja menakut-nakutkan rakyat kononnya kerajaan bersikap diktator dan autokratik untuk kepentingan sendiri.

"Golongan itu menggunakan apa cara sa-

haja untuk menjatuhkan kerajaan, termasuk membangkitkan perasaan bencikan kerajaan.

"Saya yakin rakyat di tempat-tempat lain, termasuk Sik tidak akan mudah terpedaya oleh golongan itu kerana Malaysia jelas sebuah negara demokrasi," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mengingatkan rakyat supaya berhati-hati bagi memastikan golongan itu tidak menghapuskan demokrasi seperti yang berlaku ke atas Umno.

Dalam ucapannya lebih sejam, beliau juga menegur tindakan golongan itu sanggup berbaik-baik dengan kumpulan yang menentang dasar kerajaan bagi memenangi pilihanraya.

Tentang dasar

"Sudah ada tanda-tanda orang yang tamak kuasa cuba mendapatkan bantuan orang macam ini," katanya sambil menyifatkan mereka penderhaka kerana sanggup menjual maruah bangsa dan negara.

Beliau berkata, rakyat harus menjadikan sejarah bagi mengelakkan negara diperintah dan dijajah oleh orang asing sekali lagi.

Menurutnya, rakyat harus menghargai dan bersyukur kerana mereka masih mempunyai negara yang merdeka tidak seperti sesetengah bangsa yang tidak ber-negara sendiri seperti rakyat Palestin dan Kampuchea.